

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HLM 312 Kajian Wayang Kulit

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM SATU [1] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Apakah jenis-jenis wayang kulit ritual yang terdapat di Pulau Bali? Bincangkan aspek-aspek pementasan, termasuk peralatan, cerita, serta muzik bagi setiap jenis wayang kulit yang anda sebut dan bincangkan peranan wayang kulit ritual dalam masyarakat Bali.
2. Apakah perbezaan-perbezaan utama yang terdapat antara Nang Yai dan Nang Talung? Anda diminta sentuh aspek-aspek teknikal serta juga peranan jenis-jenis wayang kulit tersebut.
3. Watak-watak komedi merupakan watak-watak yang amat penting di dalam hampir semua jenis wayang kulit di Asia Tenggara. Pilih dua [2] jenis wayang kulit di perantaraan ini dan bincangkan (a) watak-watak komedi yang terdapat pada wayang kulit tersebut dan (b) peranan watak-watak tersebut.
4. Tuliskan dengan ringkas mengenai dua [2] daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) cerita Ramayana ranting
 - (b) Bahagian Dalang Muda yang terdapat pada wayang kulit Siam
 - (c) Teori-teori asal-usul wayang kulit Asia Tenggara.
5. Bandingkan muzik wayang kulit Siam dengan muzik wayang kulit purwa dari segi (a) alat-alat muzik dan (b) stail muzik.